

# Bab 4

## MENUJU KE ARAH PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI SECARA INKLUSIF



Menara Tabung Haji

Dasar ekonomi yang dilaksana berteraskan falsafah pertumbuhan dengan pengagihan telah mempamerkan prestasi ekonomi yang cemerlang selama empat dekad yang lalu. Ini telah menghasilkan pengurangan kemiskinan yang ketara, penyertaan ekonomi yang lebih seimbang dan perluasan liputan perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan ke seluruh negara.

Di sebalik kejayaan ini, masih terdapat sebahagian rakyat yang memerlukan lebih perhatian disebabkan oleh pendapatan yang rendah dan keadaan yang tidak memihak kepada mereka. Oleh itu, pendekatan pembangunan inklusif yang dapat memperluas keupayaan rakyat Malaysia untuk menyertai dan mendapat faedah daripada aktiviti ekonomi akan diteruskan.

Usaha untuk merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi perlu dilaksanakan dalam konteks ekonomi yang berkembang. Semenjak Krisis Kewangan Asia 1997-1998, pertumbuhan ekonomi negara semakin perlahan dan bahagian pelaburan agregat kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) terus berkurangan. Berikutnya itu, Kerajaan akan mengambil langkah untuk melaksanakan transformasi ekonomi yang bertujuan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mampan serta membawa Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi.

Satu langkah pragmatik akan diambil bagi melaksanakan pendekatan inklusif selaras dengan hasrat untuk meningkatkan pertumbuhan

ekonomi dan daya saing negara. Pendekatan ini berteraskan kepada dua objektif:

- **Memastikan peluang penyertaan dalam ekonomi secara saksama.** Ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti ekonomi berdasarkan kepada keperluan. Ia melibatkan usaha meningkatkan keupayaan dan kebolehan, meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan serta menggunakan pendekatan yang lebih khusus bagi menggalakkan keusahawanan yang didorong inovasi; dan
- **Menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi.** Akses yang mencukupi kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur asas akan diberi penekanan manakala mekanisme sokongan pendapatan yang disasar akan diperkuuh apabila subsidi dimansuhkan secara berperingkat.


Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), 2011-2015 akan bertunjangkan semangat 1Malaysia untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan saksama dengan perpaduan nasional sebagai matlamat utama. Masyarakat yang adil dan saksama merupakan masyarakat yang mana semua rakyat, tanpa sebarang pengecualian, mempunyai hak, kebebasan dan keupayaan untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan dan sumber bagi meningkatkan taraf hidup. Ianya

juga melibatkan sokongan yang lebih diberikan kepada kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi untuk memastikan pencapaian matlamat secara berkesan. Selaras dengan semangat ‘1Malaysia: Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan’, pendekatan pembangunan secara inklusif akan memastikan akses yang saksama kepada penyertaan dalam ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia untuk menuju ke arah pembentukan satu masyarakat yang adil dan saksama.

Pendekatan secara inklusif akan diambil kira dari pelbagai sudut dan beberapa sasaran telah ditetap berasaskan empat perspektif, seperti ditunjukkan

#### **Carta 4-1**

Sasaran telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-10 bagi memastikan pendekatan inklusif dilihat dari pelbagai sudut



dalam Carta 4-1. Langkah ini akan melibatkan penyediaan sokongan secara berfokus ke arah menggalakkan penyertaan yang lebih meluas kepada kumpulan yang sangat memerlukan, terutamanya isi rumah berpendapatan 40% terendah (dirujuk sebagai isi rumah 40% terendah).

Selaras dengan pendekatan pembangunan secara inklusif, program dalam RMKe-10 akan diorientasi berdasarkan kepada empat prinsip untuk menyokong matlamat pembangunan negara dan menyediakan asas yang lebih kukuh ke arah membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu dan progresif. Prinsip tersebut adalah:

- **Mesra pasaran.** Instrumen baru langkah afirmatif akan membolehkan sumber digembeleng secara optimum dan tidak menyebabkan, menyumbang atau mengekalkan herotan pasaran;
- **Berdasarkan keperluan.** Isi rumah 40% terendah dan kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi yang memerlukan bantuan khusus akan disasarkan;
- **Berasaskan merit.** Program yang dilaksana akan menggalakkan persaingan dan menyediakan peluang kepada individu dan perniagaan yang paling layak; dan
- **Ketelusan.** Mewujudkan dasar, prosedur dan kriteria yang jelas dan dimaklumkan kepada pihak umum.

Di samping empat prinsip di atas, penekanan juga akan diberi untuk memastikan program dan projek mempunyai impak jangka panjang yang mampan.

Empat prinsip di atas diterjemahkan dalam bentuk pendekatan yang lebih bersesuaian dan bekerjasama dalam menentukan sasaran secara inklusif bagi sektor swasta. Pada masa yang lalu, beberapa instrumen dasar telah digunakan bagi memperuntukkan ekuiti korporat secara terus kepada Bumiputera. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa beberapa instrumen yang berkesan seperti skim saham amanah telah

membolehkan pengekalan kawalan ke atas syarikat, meningkatkan guna tenaga dan penyertaan yang lebih seimbang serta memperkuuh asas keusahawanan melalui akses kepada modal dan peluang perniagaan. Oleh yang demikian, di bawah pendekatan baru seperti ditunjukkan dalam *Jadual 4-1*, penekanan akan diberi kepada instrumen seperti pemilikan institusi bagi ekuiti korporat dan harta tanah yang membolehkan pengumpulan dan penggembelangan dana serta pengagihan keuntungan kepada kumpulan peserta yang lebih besar. Di samping itu, pendekatan rundingan akan diguna pakai dalam menentukan keperluan secara inklusif dan sasaran bagi syarikat yang mendapat manfaat daripada kontrak, lesen dan insentif Kerajaan.

Dalam tempoh Rancangan, beberapa strategi utama telah dirangka bagi memastikan peluang untuk menyertai aktiviti ekonomi secara saksama ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi secara inklusif dalam kalangan semua rakyat. Ini meliputi:

- Meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah;
- Memperkuuh penyertaan Bumiputera dalam ekonomi;
- Memastikan akses kepada infrastruktur fizikal asas dinikmati oleh semua rakyat; dan
- Melahirkan masyarakat yang lebih progresif dan inklusif seiring dengan semangat 1Malaysia.

**Jadual 4-1: Instrumen Dasar - Sebelum dan Selepas**

INSTRUMEN	DARIPADA...	...KEPADA
<b>Skim saham amanah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Penggembangan modal Bumiputera untuk memiliki ekuiti korporat (terutama syarikat tersenarai di Bursa Malaysia) dan berkongsi keuntungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Memperluaskan konsep yang berkesan ini untuk merangkumi bentuk harta lain seperti pelaburan harta tanah, melalui Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB)</li> </ul>
<b>Instrumen berbentuk peruntukan seperti Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menetapkan syarat kepada syarikat untuk memperuntukkan 30% ekuiti kepada Bumiputera</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menehkankan penyertaan ekonomi termasuk penyertaan aktif dalam perniagaan dan pengurusan</li> <li>■ Perolehan berdasarkan pasaran oleh pelabur institusi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS)</li> <li>■ Program pembangunan usahawan yang lebih berkesan</li> </ul>
<b>Akses kepada perolehan Kerajaan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pendekatan tidak mengambil kira keperluan sektor</li> <li>■ Fokus kepada menentukan penyertaan Bumiputera di peringkat pemegang saham</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pendekatan disesuaikan mengikut keperluan sektor dengan penekanan kepada sektor yang mempunyai nilai ditambah tinggi</li> <li>■ Membina perkongsian dan penyertaan tulen, menggunakan prinsip berdasarkan merit dan ketelusan</li> <li>■ Agenda nasional yang mensasarkan penyertaan ekonomi yang lebih seimbang melalui rundingan dengan syarikat</li> </ul>
<b>Guna tenaga</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Pendekatan secara tidak langsung dan sasaran tidak spesifik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Menggalak penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi melalui kaedah penawaran dan permintaan yang mesra pasaran</li> <li>■ Keperluan untuk memberi maklumat mengenai komposisi guna tenaga mengikut jantina dan kumpulan etnik</li> </ul>

INSTRUMEN	DARIPADA...	...KEPADA
<b>Pembangunan usahawan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Tumpuan terhadap latihan asas dan sokongan kepada enterpis berskala kecil untuk menggalakkan penganggur dan kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi untuk bekerja sendiri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Memperkuuh dan memperluas program keusahawanan kepada isi rumah 40% terendah tanpa mengira kumpulan etnik dengan program khas disasar kepada kumpulan yang memerlukan</li> <li>■ Memberi penekanan untuk menggalak dan meningkatkan perniagaan yang berintensifkan inovasi bagi membangunkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)</li> <li>■ Pendekatan baru pembangunan MPPB melalui pendekatan bersegmen bagi syarikat Bumiputera berdasarkan tahap perniagaan</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Kuota berdasarkan kumpulan etnik</li> <li>■ Mengguna pakai <i>means testing</i> sebagai kriteria, tanpa peruntukan khusus kepada isi rumah 40% terendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Peruntukan khusus untuk isi rumah 40% terendah bagi sekolah berasrama, matrikulasi, universiti dan biasiswa yang memberi faedah kepada semua kumpulan etnik</li> <li>■ Menyediakan asrama untuk membantu pelajar luar bandar belajar di sekolah yang lebih baik di bandar</li> </ul> </li> <li>■ Peranan institusi khusus Bumiputera seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) akan terus dipertingkatkan bagi menyokong agenda pembangunan Bumiputera</li> </ul>

**Kotak 4-1**


### ***Menilai Kejayaan Dasar Ekonomi Baru***

Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun 1971 untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi yang ketara pada ketika itu. Pada tahun 1970, 49.3% daripada penduduk Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan yang meliputi 64.8% masyarakat Bumiputera, 39.2% masyarakat India dan 26.0% masyarakat Cina. Selain itu, wujud jurang sosioekonomi yang ketara, terutamanya dalam kalangan masyarakat Bumiputera, yang hanya memiliki 2.4% ekuiti sektor korporat, mempunyai purata pendapatan isi rumah sebanyak 65.0% daripada purata pendapatan negara dan kebanyakannya bekerja dalam sektor tradisi di luar bandar (masyarakat Bumiputera mewakili 74.0% dalam sektor pekerjaan tersebut). Ketidakseimbangan ini tidak boleh diperbaiki melalui kuasa pasaran semata-mata. Oleh itu, DEB digubal untuk mencapai matlamat utama perpaduan nasional melalui objektif serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Dasar dan program bagi tujuan penyusunan semula masyarakat tertumpu terutamanya kepada pariti pendapatan, guna tenaga dan pewujudan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Antaranya, termasuklah langkah berkaitan penawaran bertujuan meningkatkan keupayaan melalui pendidikan dan latihan, biasiswa dan penubuhan sekolah elit; serta langkah berkaitan permintaan seperti peruntukan ekuiti sektor korporat kepada Bumiputera menerusi Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), Akta Penyelarasian Perindustrian (ICA), penswastaan dan skim saham amanah PNB. Organisasi pembangunan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) juga ditugas untuk menyediakan kemudahan sokongan dan program bantuan khas untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti keusahawanan.

Walaupun tempoh DEB secara rasminya telah berakhir pada tahun 1990, prinsip asas DEB iaitu pertumbuhan dengan pengagihan telah diteruskan melalui Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Misi Nasional. Dalam menilai kejayaan DEB, perlu diakui bahawa kemajuan ketara telah dicapai dalam usaha merealisasi matlamat asal yang telah ditetapkan. Kemiskinan keseluruhan telah berkurangan dengan ketara daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009 manakala taraf hidup umum dalam kalangan majoriti rakyat Malaysia juga telah meningkat. Sejarah dengan itu, ketidakseimbangan ekonomi antara etnik telah berkurangan dengan ketara seperti mana ditunjukkan dalam peningkatan pemilikan korporat di antara tahun 1970 dan 2008.

Kemajuan ketara telah dicapai dalam usaha pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik




a = Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

Bermula pada tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia. Mulai tahun 1999 dan seterusnya, pengiraan insiden kemiskinan adalah berdasarkan metodologi 2005

SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan-Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah


Hak milik modal saham Bumiputera telah meningkat



SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia


DEB juga telah mewujudkan masyarakat Bumiputera profesional dan golongan kelas pertengahan dengan penyertaan guna tenaga yang lebih saksama dalam pekerjaan yang bernilai ditambah tinggi. Pada tahun 2008, Bumiputera mewakili 51.0% dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional. Bilangan profesional Bumiputera seperti doktor dan akauntan telah meningkat secara ketara dari tahun 1995 kepada tahun 2008. Bahagian penyertaan profesional Bumiputera telah meningkat, iaitu arkitek sebanyak 60.0%, doktor sebanyak 53.0% dan jurutera sebanyak 52.0%.

**Penyertaan guna tenaga Bumiputera dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional adalah lebih saksama**



SUMBER: Jabatan Perangkaan–Penyiasatan Tenaga Buruh 2008

**Penyertaan Bumiputera dalam kategori pekerjaan profesional telah meningkat**




<sup>1</sup>Data Akauntan, Arkitek, Jurutera dan Juruukur, adalah terdiri daripada semua yang berdaftar dengan pertubuhan profesional dan bukan secara eksklusifnya berkelayakan atau profesional bertauliah

SUMBER: Pertubuhan dan institusi profesional di sektor awam dan swasta iaitu Institut Akauntan Negara, Lembaga Arkitek Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Institut Juruukur Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia dan Majlis Veterinar Malaysia

Dengan peningkatan aktiviti ekonomi dan penyertaan dalam sektor ekonomi yang lebih seimbang, jurang pendapatan antara penduduk telah banyak berkurangan. Pendapatan kasar bulanan purata isi rumah Bumiputera telah meningkat secara keseluruhannya dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 8.0% iaitu daripada RM172 pada tahun 1970 kepada RM3,624 pada tahun 2009. Nisbah jurang pendapatan antara masyarakat Bumiputera dengan masyarakat Cina telah berkurangan dengan ketara daripada 1:2.29 pada tahun 1970 kepada 1:1.38 pada tahun 2009 manakala jurang ketaksamaan antara Bumiputera dengan India juga berkurangan daripada 1:1.77 pada tahun 1970 kepada 1:1.10 pada tahun 2009.

Secara keseluruhan, nisbah ketaksamaan pendapatan antara etnik telah bertambah baik hasil daripada pelaksanaan pelbagai dasar pertumbuhan dengan pengagihan



DEB telah mencapai kejayaan dalam menangani halangan pembangunan dan memacu ke hadapan kemajuan sosioekonomi negara. Walau bagaimanapun, dalam konteks sosioekonomi terkini, Kerajaan telah mengenal pasti akan cabaran semasa yang memerlukan pendekatan yang berbeza. Instrumen yang bergantung sepenuhnya kepada kuota tidak lagi relevan dan berdaya maju, akan diubah secara berfasa untuk membuka ruang kepada dasar yang lebih mesra pasaran dan instrumen yang bersesuaian dengan kemampuan nasional. Pada masa yang sama, matlamat asal DEB untuk mewujudkan perpaduan dan penyertaan masih kekal relevan, walaupun dengan pendekatan yang sedikit berbeza. Fokus akan diberi untuk mewujudkan Bumiputera kelas pertengahan dan menggerakkan negara ke arah negara berpendapatan tinggi dan pada masa yang sama meningkatkan mobiliti sosial bagi keseluruhan masyarakat dan memastikan jurang pendapatan tidak terus melebar.

## MENINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH 40% TERENDAH


Semenjak tahun 1970-an, Kerajaan telah memberi tumpuan kepada usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik. Usaha tersebut telah mencapai kejayaan yang besar dalam mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 3.8% pada tahun 2009, seperti ditunjukkan dalam Carta 4-2. Oleh itu, dalam tempoh RMKe-10, tumpuan akan diberi kepada usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40% terendah. Isi rumah kumpulan ini, tanpa mengira etnik atau lokasi, layak diberi sokongan berasaskan keperluan termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutama etnik minoriti, dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2009, pendapatan isi rumah 40% terendah adalah kurang daripada RM2,300 sebulan. Terdapat kira-kira 2.4 juta isi rumah dalam kategori ini terdiri daripada 1.8% isi rumah miskin tegar, 7.6% isi rumah miskin dan bakinya 90.6% isi rumah dalam kumpulan berpendapatan rendah, seperti ditunjukkan dalam Carta 4-3. Purata pendapatan bulanan isi rumah 40% terendah adalah sebanyak RM1,440.

Terdapat perubahan yang ketara dalam struktur pendapatan kumpulan isi rumah 40% terendah. Pada tahun 1990, dianggarkan 35.3% isi rumah berpendapatan antara RM500-RM999 dan

**Carta 4-2**

Kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar telah berkurangan secara ketara sejak tahun 1970




a= Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

Bermula pada tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia. Mulai tahun 1999 dan tahun seterusnya, pengiraan insiden kemiskinan adalah berdasarkan metodologi 2005

SUMBER: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan–Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah

### Carta 4-3

Pengagihan pendapatan di Malaysia bertambah baik sejak tahun 1990 dengan taburan penduduk merentasi setiap kelas pendapatan yang lebih seimbang




peratusan ini telah berkurangan kepada 6.1% pada tahun 2009. Di samping itu, peratus isi rumah berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan juga berkurangan daripada 25.3% kepada 1.2% dalam tempoh yang sama. Isi rumah 40% terendah kini tertumpu dalam julat pendapatan antara RM1,000-RM1,499 dan RM1,500-RM2,000. Pada tahun 1990, dianggarkan 60.6% daripada isi rumah berpendapatan RM999 atau kurang manakala isi rumah berpendapatan RM7,000 dan ke atas adalah kurang daripada 1.0%. Pada tahun 2009, agihan pendapatan adalah lebih seimbang.

Pada tahun 2009, taburan isi rumah 40% terendah antara bandar dan luar bandar adalah lebih setara.

Sebanyak 65.0% daripada isi rumah tersebut berada di enam negeri iaitu Johor, Kedah, Perak, Sabah, Sarawak dan Selangor, seperti ditunjukkan dalam Carta 4-4. Bumiputera merupakan 73.0% daripada kumpulan isi rumah tersebut. Majoriti isi rumah ini adalah penerima pendapatan tunggal, dengan ketua isi rumah hanya berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu 11 tahun persekolahan atau lebih rendah, bekerja sendiri atau sebagai pekerja am. Mobiliti ekonomi dan keupayaan untuk mendapatkan pekerjaan berpendapatan tinggi adalah rendah serta peluang pendapatan adalah terhad bagi isi rumah 40% terendah disebabkan oleh tahap kemahiran yang rendah dan dalam kes tertentu, tinggal di kawasan pedalaman.

**Carta 4-4**


Ciri-ciri terpilih ketua isi rumah 40% terendah menunjukkan pelbagai cabaran yang perlu ditangani



Dalam tempoh Rancangan, tiga strategi akan diguna pakai untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah. Pertama, menyediakan sokongan bagi membina keupayaan dan meningkatkan potensi menjana pendapatan melalui pendidikan dan keusahawanan. Kedua, menangani keperluan taraf hidup semasa dengan meningkatkan akses kepada kemudahan asas. Ketiga, melaksana program khusus untuk kumpulan sasar yang mempunyai keperluan tertentu seperti Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti; masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia; penduduk di kampung baru Cina; dan pekerja ladang yang sebahagian besarnya berketurunan India.

Menjelang akhir tempoh Rancangan, Kerajaan mensasarkan untuk:

- Mengurangkan insiden kemiskinan daripada 3.8% pada tahun 2009 kepada 2.0% pada tahun 2015;
- Meningkatkan purata pendapatan isi rumah 40% terendah daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,300 pada tahun 2015;
- Memperbaiki ketaksamaan pendapatan keseluruhan dengan mengurangkan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.420 pada tahun 2015; dan

**Carta 4-5**

- Meningkatkan peratusan isi rumah 40% terendah yang mempunyai kelayakan SPM atau ke atas daripada 30.0% pada tahun 2009 kepada 45.0% pada tahun 2015.

lebih akan diberi untuk meningkatkan akses kepada peluang pekerjaan dan pada masa yang sama, memperkuatkan sokongan kepada mereka yang bekerja sendiri.

### ***Meningkatkan Potensi Menjana Pendapatan bagi Isi Rumah 40% Terendah***

Kebanyakan isi rumah 40% terendah merupakan mereka yang bekerja sendiri di luar bandar atau bekerja di sektor swasta, seperti ditunjukkan dalam Carta 4-6. Walaupun sebahagian besar daripada isi rumah luar bandar adalah bekerja sendiri, sumber utama pendapatan diperoleh daripada penggajian. Dalam konteks ini, penekanan yang

Pada tahun 2009, 51.4% daripada isi rumah 40% terendah berada di kawasan bandar. Ia merangkumi 59.1% Bumiputera, 29.2% masyarakat Cina dan 11.4% masyarakat India. Kebanyakan daripada isi rumah berkenaan merupakan pekerja dalam kategori pekerjaan asas di sektor awam dan swasta serta mereka yang bekerja sendiri di sektor informal. Dalam tempoh Rancangan, isi rumah 40% terendah di bandar juga akan diberikan perhatian melalui program pembangunan keupayaan untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup keseluruhan.

**Kotak 4-2**

NKRA isi rumah berpendapatan rendah mensasarkan pembasmian menyeluruh terhadap kemiskinan tegar, mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan produktiviti isi rumah berpendapatan rendah melalui:

- Penyelarasan definisi kumpulan berpendapatan rendah untuk mempercepat usaha mengenal pasti dan membantu kumpulan miskin yang disasarkan dengan semua jabatan dan agensi;
- Pelaksanaan inisiatif yang memberi impak tinggi dan memulakan kerja-kerja awal bagi tindakan jangka panjang; dan
- Penentuan pemboleh upaya untuk memastikan penyampaian inisiatif diselaras dan dilaksanakan dengan baik.

## Meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah


Satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara



### Meningkatkan Kualiti Hidup Isi Rumah Luar Bandar

Program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kemahiran, mewujudkan jalinan dengan majikan dalam kluster berkaitan dan bandar berhampiran serta menyediakan sokongan untuk mereka yang bekerja sendiri, perniagaan mikro dan industri berskala kecil. Usaha akan diambil untuk meningkatkan produktiviti dan mengekalkan aktiviti berasaskan pertanian melalui penggunaan teknologi pertanian moden dan kaedah peladangan kontrak yang meluas. Program ini termasuk:

- Menyediakan pembiayaan dan program sokongan secara menyeluruh untuk perniagaan mikro;
- Menghubungkan tenaga kerja berkemahiran dari luar bandar dengan majikan dalam kluster berkaitan dan bandar berhampiran;
- Meningkatkan pendapatan secara berterusan bagi sektor pertanian melalui konsep peladangan kontrak;
- Menyediakan peluang untuk memiliki perniagaan kepada usahawan luar bandar yang berkeupayaan;
- Meningkatkan produktiviti dan hasil melalui penyatuan tanah;

**Carta 4-6**

- Meningkatkan produktiviti modal insan dalam pertanian luar bandar dan industri asas tani; dan
- Mengembangkan aplikasi konsep agropolitan kepada pertanian dan industri asas tani yang lebih luas.

Program pembiayaan yang dilaksanakan oleh agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) akan diperkuuh untuk menyediakan program sokongan secara holistik termasuk pembiayaan, peralatan dan latihan dalam bidang perniagaan dan

teknikal. Institusi seperti Pusat Giat MARA, kolej komuniti, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pusat pembangunan kemahiran akan terus menyediakan program latihan kemahiran dalam bidang pertukangan, jahitan, bakeri, hospitaliti, kraftangan, mekanik serta pemprosesan makanan untuk menyokong mereka yang bekerja sendiri. Penyediaan program latihan ini akan disesuaikan berdasarkan kepada peluang khusus di kawasan yang disasarkan. Sebagai contoh, bagi kawasan yang mana pelancongan merupakan industri utama, penduduk di kawasan tersebut diberikan sokongan untuk mewujudkan program inap desa dan perkhidmatan eko-pelancongan.

Kerajaan akan mewujudkan hub pekerjaan untuk menyediakan bimbingan kerjaya dan mengendalikan program penempatan kerja di kawasan yang mana peluang pekerjaan adalah terhad. Hub pekerjaan ini akan mengkaji dan mengenalpasti kategori tenaga kerja yang diperlukan secara rundingan dengan majikan yang berkaitan dan memadankan keperluan pekerjaan dengan calon yang sesuai dalam kawasan luar bandar berhampiran. Latihan pra-perkhidmatan akan dijalankan bersama bakal majikan bagi memastikan calon benar-benar layak berdasarkan kepada keperluan perniagaan.

Peladangan kontrak akan diperluas bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik dan pendapatan yang terjamin dalam sektor pertanian. Dalam konteks ini, usaha akan diambil untuk mengenalpasti pembekal makanan yang berskala besar seperti *Malaysian Agriculture Food Corporation* (MAFC) supaya bekerjasama dengan pekebun kecil untuk menjayakan program peladangan kontrak. Syarikat pembekal utama akan menyediakan input serta menjalankan latihan dan khidmat nasihat mengenai amalan pertanian baik atau *good agricultural practice* (GAP) bagi membolehkan peladang meningkatkan produktiviti dan menghasilkan produk pertanian berkualiti. Produk ini akan dibekal kepada pembekal utama berdasarkan harga yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak berdasarkan harga pasaran.

Agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti Blue Archipelago, anak syarikat Khazanah

Nasional Berhad, akan menerajui perniagaan pertanian moden di kawasan luar bandar seperti perladangan akuakultur dan organik yang mampan dan mesra alam. Ini termasuk membangunkan kemudahan, mewujudkan pasaran, mendapatkan sijil pengesahan dan menyediakan proses berdasarkan amalan pertanian baik. Usahawan luar bandar pada mulanya akan bekerja sebagai kakitangan perantis untuk meningkatkan kefahaman mengenai pengurusan perniagaan, pemasaran dan proses operasi. Setelah menamatkan latihan perantis, mereka akan ditawarkan untuk mengambilalih perniagaan berkenaan yang dibiayai melalui keuntungan enterpris masa hadapan. Di samping itu, bagi menyokong usahawan mewujudkan perniagaan pada skala yang berdaya maju, program ini membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar dan berpotensi menjadi sebahagian daripada rangkaian bekalan tersebut.

Penggabungan tanah bersaiz besar menerusi agensi kerajaan seperti Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan koperasi digalak bagi meningkatkan skala dan produktiviti. Pekebun kecil akan memberikan hak mengurus tanah kepada agensi atau koperasi berkaitan. Melalui program ini, agensi atau koperasi berkenaan akan melantik pengurus profesional untuk mengurus pembangunan tanah bagi meningkatkan produktiviti dan memperoleh hasil yang lebih tinggi. Pekebun ini akan menikmati penjanaan sumber pendapatan yang lebih baik melalui upah dan dividen.



Kerajaan akan terus melaksanakan program untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan bagi petani serta peniaga kecil dalam pertanian luar bandar dan industri asas tani. Latihan akan diberi kepada golongan nelayan dan petani untuk meningkatkan produktiviti serta taraf hidup. Di samping itu, masyarakat nelayan akan terus dibekalkan dengan subsidi petrol dan diesel serta penyediaan infrastruktur, peralatan dan kemudahan yang lebih baik seperti bot, jeti dan limbungan. Program pemasaran akan dirangka bagi membantu nelayan menjual hasil tangkapan secara terus untuk menikmati keuntungan yang lebih tinggi. Melalui skim pembangunan usahawan, modal permulaan dan latihan akan disediakan untuk membangunkan lebih ramai usahawan dan perniagaan asas tani berskala kecil yang lebih berdaya saing. Program khusus akan diperkenal bagi menggalakkan golongan belia untuk terlibat dengan aktiviti pertanian.

Strategi pembangunan agropolitan akan menggunakan pendekatan bersepadu untuk memajukan pembangunan kawasan luar bandar dalam industri pertanian, asas tani dan industri luar bandar yang lain. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan tahap pendapatan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk luar bandar dengan memberikan bahagian dalam projek pembangunan tanah kepada isi rumah miskin yang mampu bekerja. Projek agropolitan ini melibatkan pembangunan ladang berpusat yang mana isi rumah miskin akan diberikan bahagian daripada perolehan hasil ladang. Kawasan penempatan semula keluarga miskin akan disediakan dengan

kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik dan bekalan air serta kemudahan awam seperti dewan orang ramai, masjid, perpustakaan, taman permainan dan pusat perniagaan. Setiap peserta akan diberikan rumah dan tanah untuk diusahakan dengan pertanian komersial termasuk penternakan, tanaman dan akuakultur. Mereka dijangka akan memperoleh pendapatan minimum yang ditetapkan sebulan. Beberapa khidmat sokongan dan keperluan yang berkaitan akan disediakan termasuk modal insan, pemindahan teknologi bagi amalan baik pertanian, pengangkutan, bahan mentah, sokongan pemasaran dan menyediakan kemudahan kredit yang bersesuaian dalam tempoh awal projek.

## **Meningkatkan Penyertaan Isi Rumah Bandar dalam Aktiviti Ekonomi**

Inisiatif untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan ini akan meliputi pelaksanaan program pengukuhan keupayaan melalui latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi serta menjalankan perniagaan berdasarkan kemahiran. Di samping itu, pelbagai program akan dilaksanakan melalui agensi seperti AIM dan TEKUN bagi membantu usahawan memoden dan meningkatkan saiz perniagaan untuk memastikan daya tahan perniagaan. Antara program yang akan dijalankan termasuk:

- Menubuhkan pusat kemahiran industri khusus berdasarkan keperluan di lokasi sasaran;

- Memperluas program sokongan enterpris mikro bagi isi rumah 40% terendah di bandar;
- Memperkuuh program mentor-mentee bagi meningkatkan peluang perniagaan;
- Memperluas konsep inkubator untuk meningkatkan keusahawanan dan peluang pekerjaan; dan
- Memperluas program *anchor-vendor* bagi membentuk perkongsian dan kluster dalam bidang tertentu.

Kerajaan akan bekerjasama dengan persatuan dan peneraju utama industri untuk melaksanakan program pembangunan kewajiran yang relevan dengan keperluan industri di kawasan sasaran. Tumpuan akan diberi kepada pekerjaan yang diperlukan di kawasan sasaran seperti program untuk membentuk saluran tenaga mahir untuk industri pelancongan di Sabah dan pesisiran pantai Terengganu serta saluran tenaga mahir pertanian untuk industri pertanian di Kedah.

Program perniagaan mikro akan diperluas untuk membantu isi rumah 40% terendah bagi memulakan perniagaan kecil. Latihan teknikal dalam bidang kesihatan dan kesejahteraan, dobi, bengkel kereta motor, restoran, perniagaan francais dan jahitan akan disediakan manakala latihan keusahawanan akan memberi tumpuan kepada pengurusan kewangan, pemasaran, kontrak dan operasi. Institusi latihan sedia ada seperti Institut Keusahawanan Negara

(INSKEN) akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk menyediakan latihan dan graduan yang telah dilatih akan disediakan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan.

Organisasi pembangunan usahawan seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan MARA telah melaksanakan program mentor-mentee untuk mewujudkan lebih ramai usahawan yang berjaya dari segi model pengurusan perniagaan yang terbukti berjaya, portfolio produk dan jaringan rantai bekalan. Dalam tempoh Rancangan, penekanan akan diberi kepada mentee daripada kalangan isi rumah 40% terendah. Di samping itu, insentif akan diberi kepada mentor yang menjalankan perniagaan dengan usahawan daripada kalangan isi rumah 40% terendah.

Dalam tempoh Rancangan, konsep inkubator dalam industri makanan yang telah dipelopori oleh MARA dengan jayanya, akan diperluas untuk mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan penduduk berpendapatan rendah. Program inkubator tersebut menyediakan kemudahan tersedia yang mematuhi piawaian antarabangsa seperti Amalan Pengilangan Baik atau *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) serta menyediakan kemudahan yang dikongsi bersama seperti reka bentuk pembungkusan, makmal ujian dan sokongan pasaran yang membolehkan enterpris kecil memperoleh pulangan yang lebih baik daripada produk yang dikeluarkan. Agensi lain akan membangunkan program inkubator

bersepadu yang sama untuk membolehkan peningkatan skala pengeluaran, mengurangkan kos modal dan menggalakkan amalan pengilangan terbaik digunakan oleh industri lain.

Program syarikat *anchor* yang diterajui oleh syarikat berkaitan kerajaan dan agensi kerajaan seperti MARA akan diperluaskan. Insentif akan diberi kepada syarikat *anchor* untuk mewujudkan kluster melalui perkongsian dengan enterpris kecil di luar bandar dan bandar. Syarikat *anchor* akan memberi perhatian kepada R&D, akses pasaran, pengurusan kualiti dan reka bentuk produk manakala aktiviti pengeluaran akan dibuat oleh enterpris kecil yang akan menghasilkan produk mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Di samping itu, sokongan pembiayaan akan disediakan untuk melaksanakan program ini termasuk penyediaan kemudahan menjalankan

perniagaan. Konsep ini boleh diterapkan dalam industri makanan, tekstil, dan industri berasaskan kayu dan kraf. Ini akan membolehkan enterpris kecil dan sederhana (EKS) dalam industri tersebut untuk berkembang dan memperoleh akses kepada pasaran lebih besar manakala syarikat besar akan memberi tumpuan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah tinggi.

### ***Membantu Kanak-kanak di Kalangan Isi Rumah 40% Terendah untuk Mempertingkat Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran***

Kanak-kanak dalam kalangan isi rumah 40% terendah umumnya mempunyai tahap pencapaian



pendidikan yang rendah. Antara cabaran yang menghalang kanak-kanak daripada isi rumah ini untuk menyertai secara berkesan dalam sistem pendidikan termasuk tahap pendapatan keluarga yang rendah, persekitaran di rumah yang tidak kondusif kepada pembelajaran dan kekurangan sumber kewangan untuk membeli peralatan sekolah. Selain dari itu, kesukaran dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti di kawasan pedalaman yang mana terdapat bilangan pelajar yang kecil dan cabaran untuk mengekalkan guru telah mengekang kapasiti kanak-kanak untuk meningkatkan prestasi pendidikan mereka.

Dalam tempoh Rancangan, akses kepada peluang pendidikan yang lebih saksama akan diberikan kepada kanak-kanak dalam kalangan isi rumah 40% terendah. Ini akan melibatkan usaha menangani isu-isu berkaitan dengan kos dan halangan geografi untuk hadir ke sekolah serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

Dalam tempoh RMKe-9, konsep yang membolehkan kanak-kanak luar bandar yang mempunyai potensi pencapaian akademik yang tinggi untuk belajar di sekolah lebih baik di kawasan bandar, telah dilaksana dengan melibatkan pelajar darjah lima dan darjah enam ditempatkan di asrama khas. Ini membolehkan kanak-kanak tersebut menghadiri sekolah yang mempunyai kemudahan lebih baik dan akses kepada guru yang lebih cemerlang. Kemudahan

asrama tersebut mempunyai nisbah pelajar kepada tenaga penjaga yang rendah untuk memenuhi keperluan pelajar tersebut. Selain mewujudkan persekitaran tempat tinggal seperti di rumah, asrama tersebut juga menyediakan sokongan pembelajaran dalam mata pelajaran seperti Matematik dan Bahasa Inggeris serta pendedahan kepada aktiviti ko-kurikulum seperti sukan. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan akan memperluas pelaksanaan model ini bagi menyediakan akses yang lebih saksama kepada peluang pendidikan yang lebih baik kepada isi rumah 40% terendah.

Program 1Asrama pula akan diperluas bagi membolehkan kumpulan pelajar daripada pelbagai etnik dari sekolah rendah dan menengah di bandar, ditempatkan di asrama untuk menyediakan sokongan pembelajaran dan persekitaran yang lebih kondusif. Pelajar yang layak daripada kumpulan sasar khusus akan terus menerima bantuan daripada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) seperti elaun, biasiswa, makanan tambahan, pakaian seragam serta yuran tuisyen dan pengangkutan. Pertimbangan khas juga akan diberikan kepada pelajar daripada isi rumah 40% terendah untuk ditempatkan di sekolah berasrama, pusat matrikulasi dan universiti awam. Di samping itu, pelajar yang mendapat tempat di institusi pendidikan swasta akan diberikan bantuan kewangan berdasarkan merit bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran.

## **Memperkuuh Jaringan Keselamatan Sosial untuk Membantu Kumpulan yang Kurang Mendapat Manfaat**

Program jaringan keselamatan sosial akan diperkuuh untuk menangani masalah semasa yang memberi kesan kepada taraf hidup bagi kumpulan yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi. Tumpuan akan diberi kepada usaha memastikan kumpulan sasar ini mempunyai tempat tinggal yang sesuai, mendapat akses kepada penjagaan kesihatan dan mampu membayai kos keperluan dan perkhidmatan asas.



## **Menyediakan Program Bantuan Rumah kepada Isi Rumah Miskin di Bandar dan Luar Bandar**

Bagi kawasan luar bandar, bantuan akan terus diberi untuk membina dan menaik taraf rumah, terutamanya dalam kalangan isi rumah yang mempunyai ahli keluarga yang ramai, warga emas, ibu tunggal atau individu yang mempunyai keperluan khusus. Bagi isi rumah yang layak dan memiliki tanah, Kerajaan akan membina rumah di atas tapak berkenaan. Selain daripada itu, GLC dan sektor swasta akan diberi galakan untuk melengkapi usaha Kerajaan menyediakan rumah dengan kelengkapan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing.

Bagi kawasan bandar dan pinggir bandar, program perumahan mampu milik dan kluster serta penyediaan rumah kos rendah akan diperluaskan. Unit perumahan awam ini akan ditawarkan kepada individu dan keluarga yang layak dengan tujuan untuk menggalakkan lebih banyak pemilikan rumah oleh isi rumah 40% terendah. Sektor swasta juga digalakkan untuk membina lebih banyak rumah kos sederhana pada harga yang mampu dibeli. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menyediakan kemudahan yang akan dapat menggalakkan pembangunan komuniti dan akses yang lebih baik kepada warga emas dan orang kurang upaya.

## Menyediakan bantuan pendapatan, subsidi dan akses yang lebih baik kepada kemudahan kesihatan

Dalam tempoh 40 tahun yang lalu, Kerajaan telah memberi subsidi atau melaksanakan kawalan harga barang dan perkhidmatan seperti elektrik, petrol, beras, minyak masak dan gula. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pendekatan ini secara berterusan adalah tidak berdaya tahan. Dalam tempoh Rancangan, subsidi akan distruktur semula manakala pendekatan yang lebih khusus kepada kumpulan sasar akan dilaksana untuk menyediakan bantuan pendapatan kepada mereka yang layak daripada kalangan isi rumah 40% terendah.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan terus menyediakan bantuan pendapatan kepada kumpulan yang memerlukan seperti warga emas, OKU dan ibu tunggal. Pangkalan data pusat, iaitu eKasih akan digunakan untuk mengenal pasti dan menyelaras program penyampaian bantuan pendapatan. Pangkalan data pusat membolehkan pemantauan dan penilaian keberkesanan program dibuat secara berterusan di samping pengauditan ke atas penerima faedah program. Pangkalan data ini akan diperkuuh untuk meningkatkan maklumat secara lebih komprehensif mengenai kumpulan sasar bagi mengelak pertindihan serta memastikan liputan kumpulan sasar yang lebih baik. Sebagai tambahan kepada pendaftaran

sendiri dan penggabungan maklumat daripada agensi kebajikan, Program Cari akan diperluas dan dipergiat untuk memastikan maklumat pangkalan data berkenaan adalah komprehensif.

Bantuan secara terus akan diberi kepada isi rumah 40% terendah apabila Kerajaan menyelaraskan harga beberapa barang utama berdasarkan kepada harga pasaran supaya tidak menjelaskan kumpulan ini. Maklumat daripada eKasih akan diberi kepada NGO, badan amal dan syarikat untuk memastikan sasaran dan penyampaian bantuan secara lebih berkesan di samping menggalakkan lebih banyak syarikat terlibat dalam program CSR. GLC seperti PETRONAS, Sime Darby dan UEM akan digalak untuk terlibat dengan memasukkan program sokongan ini sebagai sebahagian daripada program CSR yang disasarkan kepada individu yang paling memerlukan bantuan. PETRONAS telah memberikan komitmen dengan menyediakan sejumlah RM100 juta dalam bentuk bantuan keperluan makanan bagi mengurangkan beban isi rumah yang telah dikenalpasti. Ini akan dilaksana dengan penggunaan MyKad sebagai instrumen perolehan di semua Kedai Mesra PETRONAS.

Di samping menyediakan rumah yang lebih baik dan memberi bantuan pendapatan, pelbagai pendekatan telah diambil bagi memastikan isi rumah 40% terendah di bandar dan pinggir bandar mendapat akses yang lebih baik kepada kemudahan penjagaan kesihatan. Hari klinik

khas bagi penyakit kronik akan ditetapkan bagi membolehkan pesakit yang mengidap pelbagai penyakit, menerima khidmat nasihat kesihatan dalam sekali lawatan berbanding beberapa kali lawatan seperti amalan terdahulu. Klinik bergerak termasuk perkhidmatan doktor udara (*flying doctor*) akan diperluas kepada kumpulan yang mempunyai akses yang rendah kepada perkhidmatan kesihatan seperti masyarakat Orang Asli dan etnik minoriti di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Klinik 1Malaysia akan diperluas dengan menyediakan perkhidmatan kepada isi rumah miskin di bandar dan kawasan yang mengalami kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan dengan membina klinik tambahan dalam tempoh Rancangan. Klinik ini akan beroperasi dalam masa yang lebih panjang iaitu dari 10 pagi sehingga 10 malam bagi menyediakan alternatif yang lebih baik daripada klinik swasta.

### ***Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus Melalui Pelaksanaan Program Bersepadu***

Terdapat kumpulan sasar daripada kalangan isi rumah 40% terendah yang menghadapi cabaran tertentu, perlu diberi perhatian. Kumpulan ini termasuk Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti; masyarakat Orang

Asli di Semenanjung Malaysia; penduduk di kampung baru Cina; dan pekerja ladang yang sebahagian besar berketurunan India. Selain daripada mendapat akses kepada program yang telah disasarkan kepada isi rumah 40% terendah, kumpulan ini juga akan menikmati manfaat daripada program sasaran tambahan untuk memperkuuh keupayaan dan mengurangkan insiden kemiskinan dalam kalangan mereka.

### ***Meningkatkan keupayaan Bumiputera di Sabah dan Sarawak dan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia***

Dalam tempoh Rancangan, program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus akan dilaksana bagi mengurangkan insiden kemiskinan yang tinggi dalam kalangan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, terutamanya etnik minoriti seperti Bisaya, Orang Sungei, Rungus, Suluk, Tidong, Penan, Kajang, Kedayan dan Kelabit serta masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ini termasuk mereka yang tinggal di rumah panjang serta penempatan di kawasan pedalaman. Sasaran adalah untuk mengurangkan insiden kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli daripada 50.0% pada tahun 2009 kepada 25.0% pada tahun 2015 manakala etnik minoriti di Sabah daripada 22.8% kepada 12.0% dan Sarawak daripada 6.4% kepada 3.0% dalam tempoh yang sama.

Bagi masyarakat Orang Asli, program pembangunan dan pemilikan tanah akan dilaksana bagi membolehkan mereka diberi hak milik dan menjadi petani yang aktif. Tanah rezab Orang Asli akan dibangunkan oleh Kerajaan untuk kegunaan aktiviti pertanian. Masyarakat Orang Asli akan dapat mengusahakan tanah dan memperoleh hak milik setelah ladang matang. Setiap isi rumah yang layak akan diberi hak untuk mengusaha dan seterusnya memiliki tanah seluas antara dua hingga enam ekar di samping tapak tanah tambahan seluas 0.5 ekar untuk membina rumah. Program yang serupa akan dipertimbangkan untuk dikaji kesesuaian pelaksanaan bagi etnik minoriti di Sabah dan Sarawak.

Bantuan akan diberi kepada Bumiputera di Sabah dan Sarawak terutamanya etnik minoriti dan masyarakat Orang Asli untuk menjalankan aktiviti perniagaan seperti inap desa dan perkhidmatan eko-pelancongan. Bantuan

termasuk menyediakan latihan keusahawan dan pembiayaan serta memperkuuh jaringan perniagaan dalam sektor yang dikenalpasti.

Bagi meningkatkan akses kepada pendidikan, Sekolah Model Khas akan diperluas untuk menangani kadar kecinciran yang tinggi di peringkat sekolah menengah disebabkan oleh faktor lokasi. Konsep sekolah ini menggabungkan pendidikan rendah dan menengah sehingga Tingkatan Tiga di bawah pengurusan sekolah yang sama. Di samping itu, kemudahan asrama kepada pelajar sekolah menengah juga akan diperluaskan.

Walaupun banyak menghasilkan pelbagai produk kraftangan, Bumiputera di Sabah dan Sarawak terutamanya etnik minoriti dan masyarakat Orang Asli masih bergantung kepada orang tengah untuk memasarkan produk yang menyebabkan perolehan jualan yang rendah. Inisiatif akan diambil untuk membantu masyarakat ini dengan



menubuhkan koperasi bagi memasarkan produk dengan lebih berkesan. Di peringkat permulaan, koperasi akan melantik kumpulan pengurusan profesional dan selepas memperoleh kemahiran dan pengetahuan, pengurusan tersebut akan diserahkan kepada pihak koperasi.

### **Menyediakan bantuan kewangan kepada Penduduk di kampung baru Cina untuk menaik taraf rumah dan membiayai aktiviti perniagaan**

Majoriti penduduk di kampung baru Cina menduduki tanah dengan status Lesen Pendudukan Sementara atau *Temporary Occupation Licence* (TOL) atau pajakan selama 30 atau 60 tahun. Tempoh TOL atau pajakan bagi kebanyakan daripada penduduk ini telah hampir tamat dan mereka menghadapi kesukaran bagi memperbaharui tempoh TOL atau pajakan disebabkan olehkekangan kewangan. Di samping itu, terdapat juga rumah yang berada dalam keadaan uzur dan tidak dibaiki. Mereka juga mengalami kekurangan modal untuk memulakan perniagaan.

Langkah akan diambil untuk memperkenalkan skim pinjaman bagi membiayai bayaran premium dan memperbaharui tempoh pajakan tanah melalui institusi kewangan. Skim berkenaan juga akan disediakan bagi membantu penduduk untuk menaik taraf rumah serta menyediakan modal bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Program

pembiayaan sedia ada melalui AIM dan TEKUN akan turut dikenal pasti untuk membantu usahawan kecil dalam kalangan penduduk di kampung baru Cina.

### **Meningkatkan akses kepada infrastruktur dan kemudahan asas untuk meningkatkan taraf hidup pekerja ladang**

Pekerja ladang yang sebahagian besarnya berketurunan India, bekerja di ladang getah dan kelapa sawit di seluruh Malaysia. Mereka berdepan dengan cabaran seperti tahap pendapatan dan pendidikan yang rendah, keadaan hidup yang daif serta kekurangan akses kepada kemudahan asas. Bagi memperbaiki taraf hidup pekerja India di ladang, sejumlah RM109 juta akan diperuntukkan dalam tempoh 2011 dan 2012 untuk membekalkan air yang dirawat kepada lebih kurang 182 ladang yang berkeluasan kurang daripada 1,000 ekar dan terletak kurang lima kilometer daripada paip utama. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung juga akan ditubuh untuk meningkatkan hubungan lebih rapat antara penduduk ladang dan kampung berdekatan dengan pejabat daerah.

Langkah akan diambil untuk menggalakkan pemilik ladang menyediakan jalan akses dan kemudahan asas seperti rumah dan sekolah. Program latihan dan latihan semula kemahiran sedia ada akan diperluas untuk melatih bekas pekerja ladang yang hilang pekerjaan untuk meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan.

## MENINGKATKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM EKONOMI

Pendekatan inklusif akan memastikan semua etnik berupaya untuk menyertai dan memperoleh manfaat daripada pertumbuhan ekonomi. Penyertaan ekonomi yang saksama meliputi inisiatif bagi menangani penyertaan Bumiputera yang tidak seimbang dalam guna tenaga; pemilikan aset seperti harta tanah dan ekuiti korporat; dan penyertaan enterpris Bumiputera dalam aktiviti nilai ditambah tinggi. Selaras dengan itu, agenda pembangunan Bumiputera akan terus menjadi teras utama dalam dasar pembangunan ekonomi Malaysia. Namun demikian, strategi dan instrumen yang diguna pakai akan diperkuuh ke arah mewujudkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara lebih meluas, bermakna dan mampan.

Semenjak Rancangan Malaysia Kedua, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. Melalui pelbagai instrumen dasar seperti biasiswa, sekolah berasrama, penswastaan dan skim saham amanah, kejayaan telah dicapai dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera, menambah penguasaan dan pemilikan ekuiti korporat; meningkatkan bilangan Bumiputera memegang jawatan utama di peringkat pengurusan dan profesional serta mewujudkan usahawan Bumiputera.

Pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, penyertaan pelbagai kumpulan etnik dalam ekonomi secara saksama telah meningkat dengan ketara. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan terus wujud dalam komposisi etnik antara

kumpulan pendapatan dan dalam pemilikan aset termasuk ekuiti korporat dan harta tanah, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 4-7*.

Sasaran untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam ekonomi di peringkat makro masih kekal. Walau bagaimanapun, tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk menggalakkan penyertaan ekonomi yang tulen berbanding peruntukan ekuiti korporat, selaras dengan objektif untuk mencapai pertumbuhan yang tinggi dan mampan. Ini akan dicapai melalui instrumen yang lebih telus, mesra pasaran dan berdasarkan merit. Tumpuan akan diberikan kepada:



- Memperkuuh keusahawanan Bumiputera untuk membantu mewujudkan perniagaan yang berdaya saing dalam sektor berimpak tinggi;
- Meningkatkan pemilikankekayaan melangkaui ekuiti korporat, termasuk harta tanah dan aset perniagaan seperti ruang niaga, harta bertanah, bangunan komersial, harta intelek dan perkhidmatan lain melalui penggembangan dana dan pelaburan institusi; dan
- Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi dengan meningkatkan pembangunan keupayaan dan insentif berdasarkan permintaan pasaran.

**Carta 4-7**

Walaupun dengan kemajuan yang memberangsangkan, masih wujud potensi untuk menambah baik kedudukan kekayaan Bumiputera

Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pendapatan penengah isi rumah Bumiputera sebanyak RM2,531 pada tahun 2009 adalah lebih rendah daripada pendapatan penengah nasional sebanyak RM2,830</li> <li>Walaupun Bumiputera mewakili 64.9% daripada jumlah isi rumah pada tahun 2009, namun mereka mewakili 74.7% daripada jumlah isi rumah berpendapatan di bawah RM2,000</li> </ul>
Hak milik ekuiti korporat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilikan modal saham Bumiputera (pada nilai tara) dalam syarikat berhad meningkat daripada 18.9% pada tahun 2004 kepada 21.9% pada tahun 2008</li> <li>Syarikat milik Bumiputera merupakan 16.0% daripada keseluruhan Tawaran Awam Permulaaan (IPO) tempatan pada tahun 2008, dengan purata sebanyak 12.0% sejak 10 tahun lalu</li> </ul>
Hartanah dan simpanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemilikan bangunan dan premis komersial oleh Bumiputera telah meningkat pada kadar yang perlana daripada 11.7% pada tahun 2005 kepada 14.0% pada tahun 2008</li> <li>Walaupun Bumiputera merupakan 52.0% daripada keseluruhan keahlian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada tahun 2009, namun mereka hanya menyumbang sebanyak 40.0% daripada keseluruhan saiz dana KWSP</li> </ul>

SUMBER: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perangkaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bursa Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

## **Memperkuuh Keusahawanan Bumiputera untuk Mewujudkan Perniagaan yang Berdaya Saing dalam Sektor Berimpak Tinggi**

Menyedari Bumiputera mempunyai keupayaan yang berbeza berdasarkan saiz dan aktiviti perniagaan mereka, pendekatan baru dalam pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan dilaksana dengan mengkategorikan syarikat Bumiputera

mengikut tahap perniagaan. Usahawan Bumiputera akan dikategorikan kepada usahawan mikro dan kecil, syarikat di tahap pembangunan dan pertumbuhan, dan syarikat tersenarai/tahap matang, seperti ditunjukkan dalam *Carta 4-8*. Jenis bantuan yang akan disediakan oleh Kerajaan dari segi pembiayaan, perkhidmatan sokongan dan agensi pelaksana akan ditentukan berdasarkan kategori syarikat berkenaan.

Entrepris mikro akan dibangunkan melalui penyediaan pembiayaan, peningkatan keupayaan dan infrastruktur, berdasarkan kepada kriteria

tertentu, dengan sasaran utama untuk memperbaiki taraf hidup Bumiputera dalam kumpulan isi rumah 40% terendah. Bagi perniagaan di tahap pembangunan dan pertumbuhan, sokongan akan ditumpukan kepada usaha untuk menyatu dan meningkatkan perniagaan Bumiputera supaya berdaya saing, umpamanya melalui penyediaan pembiayaan ekuiti swasta. Bagi syarikat pada tahap matang, bantuan akan meliputi usaha untuk meneroka pasaran baru melalui rundingan antara Kerajaan dengan Kerajaan. Perolehan Kerajaan, pemberian lesen dan penswastaan pula akan digunakan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang strategik. Penyediaan

**Carta 4-8**



sokongan, sama ada dalam bentuk pembiayaan atau pemberian lesen dan konsesi akan dilaksana berdasarkan merit dan mengambil kira keupayaan usahawan Bumiputera untuk tidak bergantung kepada bantuan Kerajaan.

### **Mewujudkan peneraju industri yang lebih kukuh dan berdaya saing**

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam mewujudkan enterpris Bumiputera melalui pelbagai program dan sumber yang agak besar telah dibelanjakan untuk menyokong mereka. Walau bagaimanapun, penekanan terdahulu yang diberi ke atas pembiayaan melalui pinjaman kecil dan geran telah menyebabkan wujudnya enterpris berskala rendah yang mudah terjejas apabila

ekonomi semakin matang dan diliberalisasikan. Enterpris berskala rendah menghadapi cabaran untuk membuat pelaburan dalam inovasi, menambah baik proses, membangunkan pasaran dan rantai bekalan yang cekap. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan beralih ke arah memperkuatkan enterpris tersebut untuk memastikan mereka mencapai skala operasi yang mencukupi dan seterusnya membolehkan mereka melabur semula, memperkuatkan operasi dan berkembang.

Dalam tempoh Rancangan, Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) akan menerima peruntukan sebanyak RM4.5 bilion daripada Kerajaan serta mendapatkan dana tambahan daripada sektor swasta untuk melabur dalam syarikat di tahap pertumbuhan. Tumpuan akan diberi kepada tiga jenis pelaburan,



iaitu membeli aset bukan teras daripada GLC, syarikat multinasional (MNC) dan syarikat tersenarai awam (PLC); membeli syarikat Malaysia yang mana pemegang sahamnya ingin menjual kepentingan; dan melabur dalam syarikat milik Bumiputera sedia ada yang berpotensi untuk mempercepat pertumbuhan syarikat tersebut. EKUINAS akan menjadi pemegang saham yang aktif, memacu pertumbuhan dan menambah nilai, dan pada masa yang sama, mengamal tahap tadbir urus korporat tertinggi serta menanda aras pencapaian syarikat berbanding syarikat ekuiti swasta terkemuka dunia.

Program ekuiti swasta dalam syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti PNB, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Tabung Haji (TH) akan diperbaharu, diperku ku dan diperluas bagi menggembung pelbagai dana dalam usaha memperluas pemilikan dan kawalan ekuiti. Institusi ini akan digalakkan untuk meneroka secara aktif dan mempelbagai aktiviti ekonomi yang berupaya menghasilkan pulangan yang tinggi bagi membuka lebih banyak peluang kepada Bumiputera.

Pinjaman untuk membolehkan pembelian pengurusan (*management buy-outs*) dan/atau perolehan perniagaan yang mempunyai aliran tunai positif akan disediakan menerusi PUNB. Ini akan membolehkan PUNB meningkatkan siling pembiayaan kepada syarikat dan mengalih tumpuan daripada membiayai syarikat di tahap permulaan kepada syarikat di tahap pertumbuhan dan penggabungan syarikat sedia ada.

## Pengukuhan kemampuan dan keupayaan usahawan dalam segmen nilai ditambah tinggi

Ekonomi berpendapatan tinggi adalah bercirikan keusahawanan yang didorong inovasi, seperti perniagaan yang mengamal model perniagaan berdasarkan inovasi, syarikat yang menghasilkan produk dan perkhidmatan baru ke pasaran serta perniagaan yang menggunakan teknologi baru untuk kekal di hadapan. Kesediaan Bumiputera untuk melibatkan diri dalam aktiviti bernilai ditambah tinggi perlu diperku ku. Pada masa ini, syarikat Bumiputera yang baru memulakan perniagaan adalah tertumpu dalam sub-sektor dan aktiviti yang secara relatifnya bernilai ditambah rendah dan tidak banyak terlibat dalam bidang berintensif pengetahuan dan bernilai ditambah tinggi. Dalam tempoh Rancangan, pendekatan yang lebih berkesan akan dilaksana bagi menggalakkan keusahawanan berdasarkan inovasi dalam kalangan usahawan dengan latar belakang industri atau akademik.

Pendekatan yang didorong oleh permintaan akan digunakan untuk memangkin perniagaan dalam aktiviti nilai ditambah tinggi. Dalam sektor yang disasarkan, organisasi pembangunan industri akan mengenal pasti bidang yang berpotensi tinggi seperti perkhidmatan penyelidikan pasaran molekul bagi sektor bioteknologi; pengganti lemak haiwan bagi industri halal dan teknologi

pemulihan minyak bagi sektor minyak dan gas. Kerajaan akan menyediakan peruntukan kewangan dan mempelawa sektor swasta untuk membida bagi mendapatkan hak terhadap usaha penerokaan tersebut. Pertimbangan dalam memilih pembida yang berjaya berasaskan, antara lain, mekanisme cadangan penubuhan sama ada melalui pemerolehan atau penubuhan syarikat baru, struktur pegangan saham, pengurusan dan teknologi utama, model perniagaan yang dicadangkan serta jumlah modal syarikat pembida. Seterusnya, pegangan ekuiti Kerajaan akan dilepaskan kepada kumpulan pengurusan dan institusi Bumiputera.

Pelaksanaan inisiatif kluster sedia ada akan diperluas manakala kluster baru akan diteroka. Syarikat yang kukuh akan dikenal pasti sebagai syarikat anchor bagi setiap kluster dan akan melaksanakan program pembangunan vendor untuk membantu penyertaan vendor di sepanjang rantai nilai. Kluster yang berpotensi termasuk, antara lain, industri berkaitan halal, perbankan Islam, insuran dan kewangan termasuk takaful; pelancongan dan hospitaliti; dan sektor tenaga termasuk tenaga hijau. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan mensasarkan penubuhan minimum sebanyak 100 syarikat anchor untuk membantu operasi 1,000 syarikat vendor.

Program pembiayaan pembangunan usahawan Bumiputera akan distruktur semula dan diuruskan oleh agensi yang kecil bilangannya bagi memastikan sektor dan tempoh hayat perniagaan dapat diawasi dengan menyeluruh.

Instrumen pembiayaan juga akan disesuaikan untuk memenuhi keperluan perniagaan dengan membenarkan had pembiayaan yang lebih tinggi bagi menyokong penubuhan perniagaan pada skala yang tepat.

Organisasi pembangunan usahawan atau *entrepreneur development organisations* (EDO) sedia ada termasuk MARA, PUNB dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) serta institusi pembiayaan pembangunan atau *development financial institutions* (DFI) akan dikaji semula untuk meningkatkan keberkesanan organisasi tersebut. Fungsi EDO dan DFI akan dirasionalisasi dan diperkemas untuk mengurangkan pertindihan tugas, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pencapaian serta mengoptimumkan penggunaan sumber. Pemberian insentif yang kompetitif akan dikaitkan dengan prestasi untuk menggalakkan pencapaian hasil yang disasarkan serta meningkatkan keupayaan organisasi untuk menarik dan mengekalkan modal insan berkualiti tinggi. Ia juga bertujuan untuk memastikan modal insan yang diperlukan dalam sektor yang berintensif inovasi adalah mencukupi. Melalui pengkhususan kepada modal insan berkepakaran tinggi, EDO dan DFI berupaya untuk menawarkan sokongan yang lebih efektif kepada syarikat Bumiputera terutamanya mewujudkan jalinan pasaran global dan mengembangkan kewujudan syarikat tersebut di sepanjang rantai nilai.

Latihan keusahawanan sedia ada yang tidak bersepada akan dirasionalisasi. MARA akan terus


menjadi agensi peneraju yang membina kepakaran keusahawanan dalam kalangan Bumiputera. Ini akan dilaksanakan melalui program latihan, khidmat rundingan dan program amali seperti membenarkan pelajar universiti untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan dalam kampus. Program yang dilaksanakan oleh MARA akan disokong dengan program teknikal bagi sektor tertentu yang dijalankan oleh organisasi pembangunan industri atau *industry development organisations* (IDO) seperti *Malaysian Biotechnology Corporation* dan *Multimedia Development Corporation*.

### **Memperluas dan Mempertingkat Kekayaan Bumiputera bagi Memastikan Pemilikan Secara Kekal dan Berterusan**

Skim saham amanah telah berjaya membantu Bumiputera menyertai dan mendapat manfaat daripada kekayaan negara. Penyertaan dalam skim saham amanah juga membolehkan Bumiputera meningkatkan pemilikan ekuiti dalam sektor korporat. Berdasarkan prinsip penggembangan dana dan pemilikan aset melalui institusi, skim berkenaan akan mengurangkan halangan untuk menyertai dan membolehkan pemilikan aset secara kekal dan berterusan.

Dalam tempoh Rancangan, pendekatan pelaburan melalui institusi akan diperluas melangkaui ekuiti sektor korporat meliputi kategori kekayaan lain seperti harta tanah. Yayasan Amanah Hartanah






Bumiputera (YAHB) akan menubuhkan Tabung Pelaburan Amanah Hartanah atau *Real Estate Investment Trusts* (REIT) untuk mengurangkan halangan kepada Bumiputera untuk melabur dalam sektor harta tanah komersial dan industri serta mendapat faedah daripada peningkatan nilai harta tanah tersebut. Inisiatif juga akan diambil untuk memperkuat keupayaan pelaburan institusi seperti Baitulmal dan mempertingkat nilai aset mereka termasuk pembangunan harta tanah untuk tujuan komersial. Hasil daripada usahasama tersebut akan memberi faedah kepada masyarakat Bumiputera dengan lebih meluas melalui pewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan.

Usaha yang lebih bersepadan akan diambil untuk mempertingkat nilai asset Bumiputera seperti tanah. Dalam tempoh Rancangan, satu projek khas akan dilaksana iaitu pembaharuan Kampong Bharu, Kuala Lumpur yang terletak di lokasi strategik berhampiran kawasan harta tanah utama, seperti yang ditunjukkan dalam *Carta 4-9*. Kerajaan akan menubuhkan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu untuk bekerjasama dengan penduduk Kampong Bharu bagi membangunkan satu model perniagaan yang mana hasil daripada pembangunan semula tanah tersebut akan dikongsi secara saksama. Kawasan penempatan sementara penduduk juga akan dikenal pasti dengan persetujuan bersama antara pihak pemaju dengan penduduk Kampong

#### **Carta 4-9**

Kampong Bharu terletak di lokasi strategik berhampiran kawasan harta tanah utama



Bharu, manakala skim pembiayaan yang inovatif akan diwujudkan bagi membolehkan penduduk sedia ada membeli unit kediaman di kawasan yang dibangunkan semula.

## ***Menggalakkan Penyertaan Bumiputera dalam Pekerjaan Berpendapatan Tinggi Melalui Peningkatan Keupayaan dan Insentif Permintaan Pasaran***

Menyedari keperluan untuk memperkuuh keupayaan Bumiputera bagi melayakkan mereka memegang jawatan dalam pekerjaan berpendapatan tinggi, program yang lebih berfokus akan dilaksana untuk membangunkan kepakaran dalam kalangan Bumiputera. Di samping itu, insentif yang bersesuaian akan disediakan bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera terutamanya dalam jawatan pengurusan utama, profesional dan teknikal. Walaupun program pembangunan kepakaran ini akan memberi faedah kepada semua kumpulan etnik, penyertaan Bumiputera adalah terjamin, selaras dengan matlamat penyertaan yang saksama dalam pasaran guna tenaga.

Dalam tempoh Rancangan, jumlah biasiswa bagi program lepasan ijazah di institusi terkemuka akan ditingkatkan. Objektif program ini untuk membolehkan modal insan Bumiputera memperoleh kelayakan yang akan dapat meningkatkan peluang ke jawatan yang lebih tinggi dan memperkuuh jaringan antarabangsa.

Biasiswa ini akan dibiaya melalui sumbangan daripada Kerajaan dan syarikat korporat. Pembiayaan akan diberi kepada penuntut yang memenuhi kriteria kemasukan dan tahap prestasi yang telah ditetapkan. Ikatan perjanjian yang fleksibel akan diberi kepada pemegang biasiswa yang dapat menyumbang secara berterusan kepada negara setelah tamat pengajian.

Kerajaan akan mewujudkan pusat kecemerlangan industri bagi menyediakan latihan penyelidikan dan latihan lepasan ijazah yang akan dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan industri dan institusi penyelidikan atau institusi pendidikan tinggi sedia ada. Penubuhan pusat ini bertujuan untuk meningkatkan inovasi dan kemahiran dalam sektor yang disasarkan bagi menyokong usaha ke arah aktiviti nilai ditambah tinggi.

Bilangan Bumiputera yang terlibat dalam program sangkutan dan program penempatan di luar negara juga akan dipertingkat untuk memberi pendedahan yang lebih meluas dalam bidang perniagaan yang mempunyai nilai ditambah tinggi, memperoleh pengalaman perniagaan dan menjalin jaringan profesional di peringkat antarabangsa. Syarikat yang mendapat kontrak atau perolehan yang besar daripada Kerajaan, serta pelabur tempatan dan antarabangsa yang menerima pra-pakej insentif khas di bawah skim insentif pelaburan langsung asing, akan diminta memberi komitmen kepada sasaran guna tenaga yang seimbang, program latihan atau sangkutan/penempatan, terutama untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di peringkat antarabangsa. Di samping itu, GLIC akan mewujudkan program yang serupa dengan rakan niaga utama dan melalui pengambilalihan syarikat luar negara.

## MEMASTIKAN AKSES KEPADA INFRASTRUKTUR FIZIKAL ASAS DAPAT DINIKMATI OLEH SEMUA RAKYAT


Malaysia telah mencapai kejayaan yang memberansangkan dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan utiliti asas luar bandar lain. Namun di sebalik pencapaian tersebut, masih terdapat kampung di pedalaman yang masih belum boleh dihubungi melalui jalan raya dan mendapat kemudahan infrastruktur yang mencukupi terutamanya di Sabah dan Sarawak. Selain daripada berpendapatan rendah, penduduk luar bandar juga menghadapi kekurangan akses kepada infrastruktur asas. Dengan anggaran 36% penduduk Malaysia tinggal di kawasan luar bandar pada tahun 2009, usaha akan diambil untuk memastikan rakyat terutamanya masyarakat luar bandar disediakan dengan bekalan air dirawat dan kemudahan sanitasi yang mencukupi, akses kepada rangkaian jalan raya,

bekalan elektrik dan rangkaian perhubungan melalui teknologi komunikasi iaitu telefon dan internet yang lebih baik. Selain daripada meningkatkan kualiti hidup penduduk, kemudahan infrastruktur ini juga adalah faktor penting bagi membantu penjanaan aktiviti ekonomi baru di luar bandar.

Sehingga kini, Malaysia telah mencapai kejayaan yang memuaskan dalam penyediaan infrastruktur asas. Pada tahun 2009, liputan elektrik luar bandar telah mencapai 92.3% dan liputan bekalan air luar bandar adalah 81.0% di seluruh Malaysia. Di samping itu, rangkaian jalan luar bandar di seluruh negara telah meningkat daripada 18,927 kilometer pada tahun 2000 kepada 45,905 kilometer pada tahun 2009 seperti ditunjukkan dalam Carta 4-10.

**Carta 4-10**

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam menyediakan infrastruktur fizikal asas di kawasan luar bandar



<sup>1</sup> Angka termasuk Jalan Perhubungan Desa

SUMBER: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk menambah dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar. Reka bentuk dan pembinaan jalan akan dipertingkat bagi menghasilkan jalan yang berkualiti dan mengurangkan kos penyelenggaraan melalui penggunaan teknologi serta kaedah baru seperti penstabil tanah dan turapan konkrit. Reka bentuk tersebut akan meningkatkan tahap ketahanan jalan untuk menampung kegunaan kenderaan berat dan komersial serta hubungan di antara kawasan luar bandar dengan pusat ekonomi bandar bagi mempercepatkan pembangunan sektor ekonomi di kawasan luar bandar. Pada akhir tempoh Rancangan, sepanjang 6,312 kilometer jalan berturap akan dibina di Semenanjung Malaysia manakala 2,540 kilometer dibina di Sabah dan 2,819 kilometer di Sarawak yang memberi faedah kepada 3.3 juta penduduk di seluruh negara.

Usaha lebih gigih akan diambil bagi meningkatkan liputan bekalan air yang dirawat di kawasan luar bandar dengan menaik taraf serta menyediakan saluran paip dan loji rawatan air baru. Usaha juga akan dipergiat bagi menambah baik perkhidmatan dan penyelenggaraan bagi memastikan kualiti air dan bekalan air yang berterusan. Sistem alternatif seperti sistem graviti, telaga tiub, air bawah tanah dan air tadahan hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil. Sasaran liputan rumah di luar bandar yang mendapat bekalan air bersih atau dirawat pada tahun 2015 adalah 99% di Semenanjung Malaysia, 98% di Sabah dan 95% di Sarawak. Menjelang akhir tahun 2015, tambahan

sebanyak 117,000 rumah di Semenanjung Malaysia, 112,700 rumah di Sabah dan 87,400 rumah di Sarawak akan dibekalkan dengan air bersih atau dirawat.

Dalam tempoh Rancangan, liputan bekalan elektrik luar bandar akan diperluas melalui grid nasional dan sistem alternatif seperti hidro-mini dan solar hibrid. Liputan elektrik luar bandar dijangka mencapai hampir 100% di Semenanjung Malaysia dan 99% di Sabah dan Sarawak. Sasaran bilangan tambahan rumah yang akan dibekalkan elektrik adalah 6,000 rumah di Semenanjung Malaysia, 59,000 rumah di Sabah dan 76,000 rumah di Sarawak.

Selain daripada peningkatan penyediaan infrastruktur asas, usaha akan terus diambil untuk menyediakan ameniti sosial, kemudahan sanitasi dan sukan serta kawasan rekreasi kepada penduduk luar bandar untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Penduduk di luar bandar akan terus diberi pendedahan kepada penggunaan kemudahan ICT dan pakej perisian yang sesuai untuk meningkatkan pengetahuan. Pada masa ini, penembusan internet di luar bandar hanya meningkat daripada 3.9% pada tahun 2004 kepada 4.3% pada tahun 2007. Oleh itu, peranan *telecentre* akan diperkuuh dan diorientasikan semula untuk menjadikannya sebagai satu instrumen yang dapat menjana peluang pendapatan khususnya dalam meningkatkan pemasaran produk luar bandar serta memperluask akses kepada peluang perniagaan. Sehubungan itu, adalah disasarkan sekurang-kurangnya satu *telecentre* di setiap mukim.

Selaras dengan usaha untuk menuju ke arah mewujudkan negara berpendapatan tinggi berdasarkan inovasi, Kerajaan bersama dengan industri komunikasi dan multimedia akan menubuhkan *telecentre* 1Malaysia, terutamanya di kawasan luar bandar. *Telecentre* 1Malaysia ini akan menjadi tempat tumpuan masyarakat luar bandar untuk mempelajari kemahiran baru melalui kemudahan ICT secara meluas. Dalam konteks memupuk budaya inovasi dan kreativiti, *telecentre* ini juga akan menyediakan ruang bagi belia untuk melibatkan diri dengan aktiviti dan percambahan minda. *Telecentre* ini adalah berasaskan model komuniti yang mampu membantu diri sendiri dengan bantuan kewangan secara perkongsian sektor swasta dan masyarakat sivil. *Telecentre* ini juga akan melibatkan penyertaan aktif belia tempatan. Melangkah ke hadapan, *telecentre* ini akan mencapai tahap kendiri dan akhirnya

muncul sebagai pusat e-dagang bagi masyarakat tempatan.

Penyediaan perkhidmatan pengangkutan asas luar bandar seperti pengangkutan udara dan air akan terus diperluas bagi meningkatkan hubungan dan akses penduduk luar bandar. Tumpuan akan diberikan di Sabah dan Sarawak seperti usaha menambah baik lapangan Perlepasan dan Pendaratan Jarak Pendek (STOL). Di Semenanjung Malaysia pula, laluan baru bagi bas henti-henti dan penambahan bas ekspres baru antara pusat luar bandar dan bandar akan memenuhi keperluan penduduk luar bandar untuk mendapat perkhidmatan pengangkutan yang cekap, mampu bayar dan selamat.

Untuk memastikan usaha ditumpu ke arah meningkatkan akses kepada infrastruktur asas,

#### Kotak 4-3

Matlamat NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar adalah untuk menambah baik penyediaan infrastruktur asas bagi rakyat di kawasan luar bandar melalui:

- Pembinaan dan penaiktarafan jalan bagi menghubungkan kawasan luar bandar kepada pusat sosial dan ekonomi;
- Pembekalan air bersih dan dirawat melalui sambungan tambahan dan penyelesaian alternatif;
- Pembinaan rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar; dan
- Pembekalan elektrik kepada rakyat dengan tumpuan khusus kepada Sabah dan Sarawak.

**Peningkatan infrastruktur asas luar bandar**  
adalah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara



Kerajaan telah mengenal pasti infrastruktur asas luar bandar sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). Bagi mencapai sasaran ini, usaha akan dipergiat untuk mempercepatkan penyampaian penyediaan infrastruktur asas luar bandar.

Sehingga kini, usaha GTP di bawah NKRA infrastruktur asas luar bandar telah mencapai kemajuan yang ketara. Kerja pembinaan telah bermula untuk menambah rangkaian jalan sepanjang 500 kilometer di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak manakala sepanjang 86 kilometer telah siap dibina. Sejumlah 11 loji rawatan air sedang dalam pembinaan dengan 70,180 rumah dijangka akan disambung dengan bekalan air dirawat menjelang tahun 2010. Untuk meningkatkan liputan elektrik, 670 projek telah dimulakan melibatkan 25,310 rumah.

Bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan infrastruktur asas luar bandar secara berkesan, Kerajaan akan menyediakan beberapa boleh upaya utama termasuk:

- Mengguna pakai pelan pembangunan sebagai landasan untuk memastikan penyepaduan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan infrastruktur luar bandar;
- Menambah baik proses pentadbiran sedia ada untuk mengurangkan masa yang diperlukan bagi proses tender;
- Memastikan bekalan sumber manusia, mesin dan bahan yang mencukupi melalui kerjasama lebih rapat dengan pembekal; dan
- Membangunkan pengurusan program dan tata urus projek yang berkesan.



## MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH PROGRESIF DAN INKLUSIF

Masyarakat progresif merupakan masyarakat yang mengimbangkan keperluan peribadi dan kebebasan awam untuk memastikan hak warga negara adalah didukung dan dihormati. Masyarakat ini menghormati dan menggalakkan kepelbagaiaan rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, etnik dan pegangan agama bekerjasama untuk memastikan kemajuan negara tanpa meminggirkan mana-mana pihak. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan masyarakat yang inklusif dan menggalakkan penglibatan aktif daripada semua ahli masyarakat. Wanita, belia, kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan unit keluarga adalah komponen penting dalam masyarakat. Oleh itu, langkah untuk memenuhi kehendak serta mengimbangi keperluan tersebut dengan persekitaran sosial yang semakin maju adalah penting ke arah mencapai masyarakat progresif dan inklusif.

Dalam usaha untuk memastikan guna tenaga secara lebih inklusif, pihak majikan perlu memaklumkan kedudukan komposisi guna tenaga berdasarkan kepada petunjuk inklusif yang utama seperti gender dan etnik kepada Suruhanjaya Sekuriti (bagi syarikat tersenarai) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (bagi syarikat lain). Ini akan membolehkan Kerajaan memantau pencapaian negara secara keseluruhan dalam aspek guna tenaga dengan lebih berkesan.

### ***Memperkasa Wanita bagi Meningkatkan Sumbangan Mereka dalam Ekonomi***

Saiz penduduk wanita telah meningkat daripada 11.5 juta pada tahun 2000 kepada 13.9 juta pada tahun 2009. Oleh itu, wanita akan terus menjadi sumber utama dalam mempengaruhi pembangunan generasi akan datang serta menjadi penyumbang utama kepada ekonomi. Peratus wanita dalam pengurusan tertinggi sektor awam telah meningkat daripada 6.9% pada tahun 1995 kepada 30.5% pada tahun 2010. Pada tahun 2008, wanita juga mewakili 65.9% daripada enrolmen pelajar lepasan sekolah menengah di sekolah bantuan penuh Kerajaan serta dianggarkan 62.3% enrolmen bagi Ijazah Pertama dan 52.7% dalam enrolmen untuk Ijazah Sarjana di institusi pengajian tinggi awam. Namun, sebilangan besar cenderung keluar daripada tenaga buruh terlebih awal disebabkan komitmen keluarga dan peribadi.

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh meningkat daripada 44.7% pada tahun 1995 kepada 45.7% pada tahun 2008, dan bilangan tersebut terus meningkat kepada 46.4% pada tahun 2009. Penyertaan wanita Malaysia dalam tenaga buruh agak rendah jika dibanding dengan negara jiran seperti Thailand (70.0%), Singapura (60.2%) dan Indonesia (51.8%) seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4-11. Secara purata, perbezaan upah antara wanita dan lelaki telah berkurangan


daripada nisbah 1:1.16 pada tahun 2006 kepada 1:1.08 pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, nisbah berkenaan berkurangan secara perlahan. Selanjutnya, daripada 155,600 wanita menganggur pada tahun 2009, terdapat seramai 16,182 wanita berkahwin, 2,178 balu dan 2,956 janda.

Penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan di sektor awam telah bertambah baik, yang mana keahlian wanita di Dewan Negara telah meningkat daripada 18.2% pada tahun 1990 kepada 28.8% pada tahun 2009 dan wanita sebagai ahli Dewan Rakyat meningkat daripada 5.3% kepada 10.4% dalam tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, penyertaan wanita di sektor swasta hanya merupakan 6.1% bagi pengarah korporat di Malaysia dan 7.0% Ketua Pegawai Eksekutif daripada 100 buah syarikat terbesar di Bursa Malaysia pada tahun 2008. Dari tahun 2005 hingga tahun 2009, penyertaan wanita dalam GLC kekal antara 11.0%-14.0%.

Agenda utama dalam tempoh Rancangan adalah untuk memperkasakan wanita. Kerajaan akan meningkatkanusahauntukmenanganiisuberkaitan dengan wanita untuk merealisasikan potensi sepenuhnya dan terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara secara lebih

#### **Carta 4-11**





berkesan. Di samping itu, Kerajaan bukan sahaja akan menggalakkan penglibatan wanita dalam pasaran tenaga kerja malahan meningkatkan kualiti dengan menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan. Oleh itu, adalah penting untuk wanita diberi peluang, persekitaran dan minda yang sewajarnya bagi membolehkan mereka menyertai dan menyumbang dalam pelbagai bidang pembangunan negara. Bagi mencapai tujuan ini, program utama yang akan diberi tumpuan adalah:

- Meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja;
- Menambah bilangan wanita dalam peringkat pembuat keputusan;
- Menambah baik penyediaan sokongan kepada wanita yang menghadapi kesukaran seperti balu, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah; dan
- Menghapuskan semua jenis diskriminasi terhadap wanita.

Bagi mengimbangi kerjaya dan kehidupan secara lebih baik untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan wanita dalam pasaran tenaga kerja, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah, bilangan pusat penjagaan kanak-kanak dan pusat jagaan harian berdasarkan komuniti di bawah JKM akan ditingkatkan. Sehingga kini, terdapat 2,077 pusat jagaan harian yang belum didaftarkan dengan JKM. Sehubungan itu, Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk mendaftar pusat jagaan harian tersebut. Program CSR untuk menaja penubuhan pusat jagaan harian berlesen akan digalak dengan kerjasama NGO. Pelaksanaan waktu kerja anjal dan bekerja dari rumah di sektor awam dan swasta akan terus digalak untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih mesra keluarga.

Peluang latihan dan latihan semula akan disediakan melalui program khas Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Usaha akan dilaksana bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan melalui kerjasama yang lebih erat antara Jabatan Pembangunan Wanita dengan institusi seperti AIM bagi mencapai sasaran mewujudkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012.

Satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan ditubuh bagi melaksanakan

program kesedaran gender untuk sektor awam berkaitan dengan pengambilan, pembangunan kerjaya dan perancangan penggantian. Ini adalah untuk meningkatkan penyertaan wanita bagi jawatan utama pembuat keputusan di Parlimen, Dewan Undangan Negeri, badan kehakiman dan kementerian. Dalam tempoh Rancangan, Kerajaan juga akan meningkatkan usaha untuk melaksanakan kuota sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan.

Kursus latihan pembangunan kepimpinan dan keupayaan akan terus diperluas melalui program latihan Nur Bestari. Di samping itu, kursus latihan sektor awam khas untuk wanita dalam bidang utama seperti politik, pengurusan dan motivasi akan ditubuh untuk meningkatkan keyakinan dan kebolehpercayaan diri kepada pekerja wanita dalam sektor awam. Sektor swasta dan NGO juga akan digalak untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam jawatan pengurusan utama mereka.

Program pembangunan kemahiran untuk ibu tunggal seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) akan diperluas dan diperkuatkan. Skim bantuan khas lain juga akan menggalakkan wanita yang menghadapi kesukaran menjalankan lebih banyak aktiviti keusahawanan. Di samping

itu, program latihan kemahiran dalam perusahaan kecil akan diperluas melalui program Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) seperti jahitan dan manik untuk wanita dalam kalangan isi rumah 40% terendah, masyarakat Orang Asli dan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak. Program kesedaran kesihatan seperti pencegahan HIV akan terus diperluas di luar bandar dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan NGO.

Kerajaan akan menggabungkan prinsip dan inisiatif bagi menangani diskriminasi terhadap gender seperti yang dirangka oleh Konvensyen Mencegah Semua Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW), *Beijing Platform for Action*, *Millennium Development Goals* (MDGs) dan Dasar Wanita Negara 2009. Program kepekaan gender dan hak wanita akan terus diperluas bagi mendidik wanita berkaitan hak dan keadilan.

## ***Membentuk Belia untuk Menjadi Pemimpin Masa Hadapan yang Dinamik dan Berinspirasi***

Penyertaan belia adalah kritikal sebagai pemacu utama dalam menyumbang bakat berkebolehan untuk menyokong keperluan sumber manusia dalam pembangunan ekonomi negara. Jumlah belia dalam kumpulan umur 15-40 tahun telah meningkat daripada 11.1 juta pada tahun 2005 kepada 11.9 juta pada tahun 2009 yang mewakili 41.5% daripada jumlah penduduk negara. Jumlah belia yang bekerja adalah seramai 7.1 juta orang dalam tempoh yang sama.

Peratusan belia yang menganggur meningkat daripada 10.5% kepada 10.9% antara tahun 2001 dan 2008, iaitu mewakili 62% daripada jumlah keseluruhan pengangguran pada tahun 2008. Nisbah pekerjaan-kepada-penduduk antara umur 15-24 tahun berkurangan daripada 42.7% pada tahun 2001 kepada 36.7% pada tahun 2008. Ini mungkin merupakan satu petunjuk bahawa sebahagian besar belia memilih untuk melanjutkan pelajaran memandangkan jumlah tenaga kerja muda (25-29 tahun) yang telah menamatkan pendidikan tertiar telah meningkat daripada 333,800 orang pada tahun 2001 kepada 571,600 orang pada tahun 2008.

Kerajaan menyedari kepentingan belia dalam pembangunan ekonomi. Justeru, dalam tempoh Rancangan, langkah akan diambil untuk menyediakan belia bagi memainkan peranan untuk menyumbang ke arah pembangunan negara melalui peningkatan kemahiran yang bersesuaian, penerapan nilai-nilai murni dan pemikiran positif untuk memastikan kejayaan mereka. Generasi belia juga harus menjadi lebih proaktif dan dinamik supaya dapat memenuhi tuntutan persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah.

Dalam memastikan belia meneruskan peranan penting dalam agenda pembangunan negara, Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini akan menyelaras dan mengemaskini sistem penyampaian pembangunan belia dan juga menyelaras peranan dan tanggungjawab kementerian yang terlibat.

Objektif program pembangunan belia adalah untuk melahirkan golongan belia yang berkebolehan dalam bidang kemahiran, keusahawanan dan kepimpinan. Kerajaan juga akan memupuk belia dengan sikap positif terhadap semangat patriotisme dan kesukarelawanan untuk melahirkan belia yang cintakan negara dan menghargai semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia - selaras dengan konsep 1Malaysia. Program belia juga akan memberi

tumpuan untuk mengukuhkan budaya berdaya saing berdasarkan merit dan kebolehan.

Program pembangunan belia akan dirangka untuk melahirkan generasi belia yang berpandangan jauh dan berazam ke arah kecemerlangan akademik dan kerjaya. Program akan diatur untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada individu yang berjaya dalam usaha untuk memupuk sifat keperibadian yang kukuh dan keyakinan diri yang tinggi, termasuk menyediakan insentif kewangan, program pengajian ke luar negara dan program latihan sangkutan. Anugerah Belia Negara akan diteruskan untuk mengiktiraf pencapaian belia yang cemerlang di dalam pelbagai bidang termasuk kepimpinan dan kesukarelawanan. Di samping itu, belia yang mempunyai daya kepimpinan yang cemerlang dan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan akan diberi peluang untuk menghadiri pelbagai persidangan antarabangsa dan forum seperti program *Global Model UN* yang memberi peluang kepada belia berinteraksi dengan belia dari negara lain dalam pelbagai isu global.

Untuk memastikan belia mendapat pekerjaan, program pembangunan kemahiran yang lebih seimbang antara bidang teknikal dan kemahiran insaniah akan dilaksanakan. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) menawarkan kursus kemahiran yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran akan diperluas untuk menyediakan

lebih pilihan pengajian kepada belia. Kursus yang ditawar akan diiktiraf di bawah Sijil Kemahiran Malaysia. IKBN juga akan menyediakan latihan kemahiran insaniah seperti kursus kepimpinan kepada pelajar. Bagi meningkatkan pendedahan belia kepada industri sukan berintensif modal seperti golf dan sukan permotoran, IKBN juga akan menawarkan kursus yang berkaitan bagi meningkatkan penyertaan belia dalam bidang sukan yang berpotensi dan memberi pulangan lumayan. Latihan keusahawanan dan program kesedaran akan diperluas melalui pelbagai institusi termasuk Akademi Pembangunan Belia Malaysia, INSKEN dan MARA. Kemahiran kepimpinan terutamanya dalam kalangan pemimpin persatuan belia akan diperkuuh melalui program sangkutan di mana pemimpin belia yang berkebolehan akan ditempatkan di pelbagai jabatan kerajaan, syarikat swasta dan NGO untuk tempoh sehingga setahun.

Semangat kesukarelawanan akan digalakkan di kalangan belia. Pasukan belia Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang merupakan sebahagian pasukan sukarelawan RELA akan terus diperluas untuk memupuk semangat kesukarelawanan dan disiplin di kalangan belia. Untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan belia, aktiviti akan diatur untuk memastikan penyertaan yang lebih inklusif seperti pertandingan sukan. Kerajaan juga akan membangun dan memperkuuh persatuan belia melalui kursus kepimpinan



dan pengurusan untuk memastikan persatuan belia dapat bergerak tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan. Perpindahan pendaftaran persatuan belia daripada Pendaftar Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan memastikan penyampaian perkhidmatan dan pemantauan program pembangunan belia secara lebih efektif. Dalam tempoh Rancangan, bilangan persatuan belia dijangka akan meningkat daripada 5,000 kepada 11,500.

Program pencegahan dan pemulihan akan ditambah baik dan diperluas untuk membentuk identiti belia yang lebih baik serta memperluas pemikiran belia terhadap kehidupan. Program berkenaan juga akan memperkuuh disiplin belia bagi menjauhi masalah sosial seperti jenayah, penagihan dadah serta terlibat dengan pergaulan yang tidak sihat. Program kesedaran yang memberi tumpuan kepada usaha menghalang penglibatan belia dalam aktiviti jenayah akan diperluas untuk menyokong pengurangan jenayah jalanan.

### ***Menjamin Keselamatan dan Kesejahteraan Kanak-kanak***

Dalam tempoh Rancangan, keutamaan akan diberi kepada perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak. Pelaburan untuk kanak-kanak adalah pelaburan untuk masa hadapan negara. Oleh yang demikian, usaha yang bersepadu bagi memperkuuh institusi keluarga dan bantuan kebijikan, perlindungan dan pembangunan kanak-kanak akan diteruskan. Ini termasuk mempertingkat kualiti perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, memperkuuh program sokongan yang berkaitan termasuk peningkatan keupayaan pemberi khidmat penjagaan dan menaik taraf kemudahan dan institusi kebijikan sedia ada seperti pusat pemulihan dan rumah kebijikan kanak-kanak. Di samping itu, peranan masyarakat untuk melindungi kepentingan kanak-kanak akan dipertingkat melalui program kesedaran.

Penyertaan masyarakat akan terus menjadi strategi utama dalam program pencegahan dan

pemulihan kanak-kanak. Peranan masyarakat akan dipertingkat melalui usaha pembangunan keupayaan bagi membolehkan mereka berfungsi dengan berkesan untuk menjaga kepentingan kanak-kanak serta melaksanakan program pencegahan dan pemulihan bagi mengawal masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak.

Bagi menangani isu berkaitan penderaan kanak-kanak, Polis DiRaja Malaysia akan melaksana saringan ke atas penjaga kanak-kanak untuk menjamin keselamatan dan perlindungan kanak-kanak yang berada di bawah jagaan pihak lain seperti pusat jagaan, pusat asuhan dan tadika. Sebagai keselamatan tambahan untuk kanak-kanak, satu sistem amaran untuk kanak-kanak yang hilang dan tidak dapat dikesan (seperti buletin pelan AMBER Alert di Amerika Syarikat) akan diwujudkan melalui kerjasama media massa dengan agensi penguatkuasa undang-undang.

Pusat aktiviti kanak-kanak akan diperkuuh untuk melindungi kanak-kanak, khususnya daripada keluarga berisiko tinggi, daripada terlibat dalam kegiatan sosial yang tidak diingini serta daripada kemungkinan didera. Pusat ini ditubuhkan mengikut keperluan tertentu masyarakat setempat dan menyediakan perkhidmatan kebajikan kanak-kanak yang menyeluruh termasuk aktiviti sukan dan sosial, program pembelajaran dan kemudahan kaunseling.

### ***Menyokong Warga Emas Supaya Terus Berperanan Produktif dan Bermakna dalam Masyarakat***

Penurunan kadar kesuburan dan peningkatan jangka hayat menyebabkan penduduk Malaysia semakin menua. Bilangan penduduk yang berusia 60 tahun ke atas meningkat daripada 1.5 juta pada tahun 2000 kepada 2.0 juta pada tahun 2009. Menjelang 2020, dianggarkan bilangan warga emas akan berjumlah 3.4 juta orang dan pada tahun 2035, Malaysia akan termasuk dalam kategori negara yang semakin menua seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan bilangan warga emas melebihi 15% daripada jumlah penduduk. Kerajaan menyedari bahawa memanfaatkan golongan warga emas merupakan satu usaha yang bernilai. Justeru, dalam tempoh Rancangan, penjagaan kesihatan dan kesejahteraan warga emas akan terus diberi penekanan supaya mereka dapat menjalani kehidupan di hari tua dengan penuh bermaruah dan rasa hormat serta dapat menjalani kehidupan dengan berdikari dan lebih bermakna sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Langkah akan diambil untuk menyedia persekitaran yang kondusif supaya warga emas kekal sihat, aktif dan selamat. Sejajar dengan ini, program

yang dijalankan dalam tempoh Rancangan akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan infrastruktur yang lebih mesra warga emas, meningkatkan akses kepada kemudahan kesihatan yang mampu dibiayai, menyedia rumah perlindungan yang mencukupi dan mengukuhkan kewangan serta peluang pekerjaan. Program untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dalam kalangan anggota keluarga dan masyarakat supaya menyayangi warga emas akan turut dilaksanakan. Sehubungan itu, penekanan yang lebih akan diberi kepada nilai seperti tanggungjawab keluarga, sifat bertimbang rasa dan kasih sayang terhadap warga emas.

Untuk meningkatkan peluang pekerjaan, rebat cukai 100% ke atas perbelanjaan melatih semula warga emas akan diteruskan. Di samping itu, pangkalan data bagi peluang pekerjaan untuk warga emas menerusi *Jobs Malaysia* akan dipromosi dengan lebih giat supaya wujud kesedaran dalam kalangan warga emas yang aktif mencari pekerjaan mengenai pangkalan data tersebut.

Kehidupan berdikari juga akan diberi penekanan melalui Program Bantuan Di Rumah yang mana sukarelawan akan membantu dalam urusan harian rumah terutamanya bagi mereka yang tinggal berseorangan. Pusat jagaan harian warga emas yang ditubuhkan dengan kerjasama NGO akan diperluas untuk memastikan penjagaan

warga emas semasa ahli keluarga bekerja. Akses kepada penjagaan kesihatan juga akan terus dipertingkat dengan menyediakan kemudahan pengangkutan percuma ke hospital atau klinik oleh JKM.

### ***Mengintegrasikan Orang Kurang Upaya ke dalam Masyarakat***

Jumlah OKU berdaftar telah meningkat daripada 98,452 pada tahun 2000 kepada 283,204 pada tahun 2009, walaupun anggaran Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan bilangan yang lebih besar sehingga sepuluh kali ganda. Penglibatan OKU dalam aktiviti pembangunan merupakan elemen penting bagi masyarakat progresif. Dalam tempoh Rancangan, tumpuan akan diberi kepada usaha untuk mengarusperdana OKU ke dalam masyarakat supaya mereka boleh berdikari, produktif dan menjadi penyumbang yang dihargai dalam pembangunan.

Usaha akan dipergiat bagi memudahkan akses fizikal kepada pengangkutan dan bangunan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih mesra OKU. Ini akan dilaksana dengan menerima pakai reka bentuk piawaian antarabangsa bagi bangunan, ruang awam dan taman. Pusat pemulihan dalam komuniti sedia ada akan dinaik taraf menjadi pusat perkhidmatan setempat yang akan memberi perkhidmatan secara lebih

komprehensif termasuk pendaftaran OKU, pemeriksaan dan pengesanan ketidakupayaan, khidmat rujukan, latihan vokasional, penempatan kerja dan penyebaran maklumat tentang OKU. Selain itu, program PDKNet juga akan ditambah baik untuk program pemulihan dalam komuniti melalui teknologi multimedia dan ICT.

Kerajaan juga akan sentiasa berusaha untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada OKU. Sejak dengan usaha ini, Kerajaan akan melaksanakan sasaran 1% pekerjaan untuk OKU dalam perkhidmatan awam. Program sedia ada seperti *Job Coach* akan diperluas bagi memastikan liputannya mencukupi untuk membantu OKU dengan berkesan dalam mencari, mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan dalam pasaran terbuka melalui program ICT seperti sistem pertukaran pekerja elektronik untuk OKU yang dikendalikan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Kerajaan juga akan melihat kepada kemungkinan penubuhan institusi pengajian khusus dan sekolah vokasional khas untuk OKU.

## **Memperkuuh Institusi Keluarga bagi Menghadapi Cabar Kehidupan Moden**

Institusi keluarga yang diterap dengan nilai kekeluargaan yang positif, perkongsian tanggungjawab dalam kalangan ahli keluarga dan institusi perkahwinan yang kukuh akan terus menjadi keutamaan dalam agenda pembangunan

Kerajaan. Keluarga merupakan asas sebuah negara yang sihat, dinamik dan produktif. Ia juga penting dalam memenuhi keperluan emosi dan fizikal individu untuk mencapai kedudukan ekonomi dan sosial yang tinggi. Ruang kediaman dan komuniti memerlukan persekitaran yang selesa bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan masyarakat yang lebih inklusif.

Program untuk memupuk jati diri dan nilai keluarga akan dilaksana untuk meningkatkan ketahanan, integriti, perpaduan dan kesepakatan yang lebih lagi kepada institusi keluarga. Bagi mencapai matlamat ini, perkhidmatan dan program sokongan keluarga akan ditumpu kepada usaha memperkuuh institusi perkahwinan dan menggalakkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan peranan secara saksama.

Program *Smart Start* akan diperluas untuk mewujudkan kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab dalam institusi perkahwinan dan menggalakkan kesefahaman yang lebih tinggi antara pasangan yang bakal berkahwin. Pengetahuan dan kemahiran keibubapaan terutama dalam kalangan pasangan bekerja akan diperkuuh melalui Program Keluarga@Kerja untuk mengimbangi kerjaya dan kehidupan serta keperluan keibubapaan bagi keluarga muda. Kerajaan juga akan menambah bilangan pusat perkhidmatan keluarga setempat dalam tempoh Rancangan untuk memberi perkhidmatan sokongan yang lebih kukuh kepada keluarga seperti perkhidmatan kaunseling, terapi dan perantaraan.

## KESIMPULAN

Dalam tempoh Rancangan, pendekatan inklusif akan terus dilaksana dengan menyediakan akses kepada peluang secara saksama untuk semua rakyat. Program bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah dan menjamin kumpulan yang mudah terjejas akan diberi penekanan. Ini akan dilaksana dengan meningkatkan keupayaan untuk menjana pendapatan melalui peningkatan kemahiran, menghubungkan mereka dengan majikan yang berpotensi serta meningkatkan keupayaan keusahawanan. Padamasyayang sama, jaringan keselamatan sosial akan diperkemas untuk melindungi golongan yang mudah terjejas. Di samping itu, penyertaan yang seimbang dalam ekonomi akan terus diusahakan. Pada masa lalu penekanan diberi kepada usaha mencapai 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera melalui instrumen yang berbentuk peruntukan.

Menuju ke hadapan, tumpuan akan diberikan ke arah mencapai penyertaan seimbang dalam pekerjaan berpendapatan tinggi, memperkuuhkan keusahawanan dalam aktiviti nilai ditambah tinggi, dan membolehkan pengumpulankekayaan merentasi kategori aset yang lebih meluas. Penekanan baru terhadap pembangunan keupayaan dan penyertaan ekonomi yang tulen membolehkan agenda pendekatan secara inklusif dilaksanakan dalam konteks ekonomi yang berkembang. Prinsip mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit dan ketelusan akan diterapkan dalam reka bentuk dan pelaksanaan program bagi memastikan pendekatan inklusif adalah selaras dengan objektif pertumbuhan.

